



4 Jun 2012  
4 June 2012  
P.U. (A) 167

WARTAKERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)  
(NO. 2) 2012

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 2) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 2) 2012**.

(2) Perintah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2013.

**Pemakaian**

2. Perintah ini hendaklah terpakai bagi seseorang yang menjalankan perniagaan—

(a) mengangkut penumpang atau kargo melalui jalan laut atas suatu kapal Malaysia; atau

(b) menyewakan kapal Malaysia yang dimilikinya untuk pelayaran atau berdasarkan sewa mengikut tempoh.

**Pengecualian**

3. (1) Menteri mengecualikan mana-mana orang yang bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada peruntukan subseksyen 54A(1) dan (2) Akta dan pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada punca perniagaan kapal Malaysia.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan orang yang dinyatakan di bawah subperenggan itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau untuk memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.